

05 AUG 1999

KERAJAAN TUMPUKAN PADA PENDIDIKAN UNTUK BASMI KEMISKINAN

SIK, 5 Ogos (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman hari ini berkata kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) kini menumpukan kepada usaha membasmi kemiskinan dengan cara memberi pendidikan yang lebih tinggi kepada rakyat.

Dengan cara itu rakyat akan dapat menceburi pelbagai bidang baru sesuai dengan corak pembangunan masa akan datang, katanya.

Rakyat seharusnya berbangga dengan kebolehan pemimpin kerajaan terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kebijaksanaan mereka memerintah negara sehingga mendapat pujian dari negara luar, katanya.

Sebaliknya, kata beliau, kalangan pemimpin Pas hanya pandai mengkritik kerajaan tetapi tidak mempunyai perancangan bagi menjamin kesejahteraan rakyat seperti yang dituntut oleh agama.

"Malah Pas menolak pelawaan kerajaan untuk menganggotai Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri semalam," katanya pada majlis taklimat pembangunan keluarga kampung-kampung di bawah Lembaga Wilayah Kedah (Keda) di pusat latihan Keda di sini.

-- BERNAMA

KMA NMO